

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA PROGRAM INDAHNYA RAMADAN UDA-UMP
DI PUSAT AKTIVITI PELAJAR, UMP PEKAN
PADA HARI ISNIN, 12 JUN 2017, PUKUL 6:30 PETANG**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Datuk Mohd Shafei Abdullah,

Pengerusi UDA Holdings Berhad;

Yang Berbahagia Datuk Ahmad Abu Bakar,

Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings Berhad;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Ab Hamid Majid,
Pendaftar;

Barisan kepimpinan eksekutif UDA Holdings Berhad;

Penolong-penolong Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama, Dekan-
dekan,

Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Saudara Madyasir Ahmad Basir,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Warga kerja dan mahasiswa;

Para asnaf yang diraikan;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan yang dikasihi;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan *Ramadhan Kareem.*

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Program Indahnya Ramadan UDA-UMP pada petang 17 Ramadan yang barakah ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan tetamu kehormat kita iaitu Yang Berbahagia Datuk Mohd Shafei Abdullah, Pengerusi UDA Holdings Berhad bersama barisan pengurusan dan warga kerja beliau ke kampus UMP Pekan sempena program ini.

3. Sesungguhnya, kejayaan penganjuran Program Indahnya Ramadan yang bermula sejak awal pagi tadi di perkampungan nelayan Kuala Pahang sehinggalah ke kemuncaknya iaitu majlis berbuka puasa pada petang ini adalah manifestasi keakraban dan kejituan sinergi antara UMP dan UDA dalam konteks pelaksanaan inisiatif berkaitan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi manfaat masyarakat.

4. Pada hemat saya, kejayaan pengelolaan Program Indahnya Ramadan UDA-UMP ini juga merupakan satu isyarat positif buat kedua-dua pihak untuk meneroka ruang kolaborasi yang lebih strategik dan terarah dengan pulangan nilai manfaat yang konstruktif kepada UMP sebagai sebuah Universiti Awam dan UDA Holdings Berhad sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pada masa hadapan.

5. Dalam hubungan tersebut, saya amat sukacita dengan sambutan dan respon positif yang diberikan oleh Yang Berbahagia Datuk Mohd Shafei Abdullah terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan semasa kunjungan hormat saya ke pejabat beliau di Kuala Lumpur pada 25 April 2017 yang lalu.

6. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi dan Universiti Awam yang berteraskan bidang-bidang kejuruteraan, teknikal dan teknologi, UMP sentiasa komited untuk membuka ruang kerjasama dengan industri dalam pelbagai lapangan yang berkaitan dengan bidang kepakaran Universiti ini, dan saya percaya bahawa pihak UDA Holdings Sdn Bhd turut mempunyai minat dan komitmen yang sama.

7. Selain kerjasama dalam bidang-bidang kepakaran tersebut, saya turut yakin bahawa ruang kolaborasi strategik antara UMP dan UDA turut boleh dirintis, diteroka dan seterusnya dikembangkan dalam konteks CSR, kemajuan komuniti, pengupayaan sosioekonomi dan pembangunan pendidikan melalui inisiatif-inisiatif berkaitan yang perlu dikenalpasti secara khusus oleh kedua-dua pihak.

KERJASAMA UMP-UDA UNTUK PENGEMBANGAN *MYGIFT*

8. Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

Bercakap tentang CSR, kemajuan komuniti, pengupayaan sosioekonomi dan pembangunan pendidikan, UMP sebenarnya telah mengorak langkah untuk mengembangkan peranan sosialnya melalui satu inisiatif khusus yang dinamakan *MyGift* serta dijalankan secara serius sejak pelancaran rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 1 Oktober 2016 yang lalu.

9. *MyGift* direkabentuk sebagai sebuah saluran dan platform rasmi sumbangan endowmen kepada UMP bagi maksud tajaan pelajaran, penyediaan prasarana kampus dan pembangunan komuniti. Untuk makluman, inisiatif ini dimodelkan berdasarkan pengalaman beberapa universiti tempatan dan antarabangsa yang telah pun memiliki institusi endowmen masing-masing serta disesuaikan dengan landskap dan keperluan tempatan di Malaysia.

10. *Mygift* dipilih sebagai jenama inisiatif ini bagi menggambarkan kepentingan peranannya dan kemuliaan tujuannya lebih dari sekadar mengharap ihsan atau memungut derma tetapi sebaliknya merupakan sebuah instrumen kemanusiaan yang menyediakan ruang dan peluang yang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja untuk berkongsi manfaat material menurut kluster keperluan yang telah ditentukan.

11. Bagi menggalakkan budaya memberi dan menyumbang dalam kalangan orang perseorangan dan organisasi sebagai kesedaran amal jariah yang sentiasa mengalir faedah dan fadhilatnya, maka Portal *MyGift* telah diwujudkan secara khusus untuk memudahkan penyaluran sumbangan secara atas talian sebagai alternatif kepada sumbangan secara langsung.

12. Para dermawan mempunyai pilihan untuk menyalurkan sumbangan mereka kepada 10 bentuk endowmen dan tabung *MyGift* iaitu Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Kemudahan/Fasiliti, Endowmen Kursi, Endowmen Kecemerlangan, Tabung Komuniti, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana dan Tabung Wakaf. Semua endowmen dan tabung yang dinyatakan tadi direkabentuk dengan tujuan yang

khusus untuk manfaat kesejahteraan mahasiswa, kecemerlangan akademik dan pembangunan komuniti.

13. Inisiatif *MyGift* merupakan respon strategik UMP terhadap seruan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meneroka prospek endowmen dan wakaf pendidikan tinggi secara lebih intensif dengan kerjasama agensi awam, organisasi korporat dan Majlis Agama Islam di negeri-negeri.
14. *Alhamdulillah*, dana terkumpul MyGift yang sedia ada kini telah berupaya dimanfaatkan untuk Endowmen Biasiswa Pelajar bernilai RM 400,000 kepada sepuluh penerima buat julung-julung kalinya dan juga pemberian Insentif Pendidikan sebanyak RM 1,000 kepada mahasiswa UMP yang kurang berkemampuan.
15. Selain itu, dana *MyGift* juga telah turut disalurkan manfaatnya kepada golongan yang memerlukan melalui aktiviti-aktiviti lain seperti Projek Kongsi Rezeki RM 1, Sarapan Percuma, Jejak Asnaf Fakir Miskin, Ziarah Prihatin dan Program Ifthar Jama'ie dalam bulan Ramadhan.

16. Dengan hasrat murni untuk mencapai seramai mungkin penerima manfaat yang layak melalui inisiatif ini, maka sudah tentulah dana *MyGift* memerlukan sokongan jitu secara berterusan dari para dermawan dari kalangan orang perseorangan, agensi kerajaan, pertubuhan awam, pihak swasta dan GLCs, termasuklah UDA Holdings Berhad. Justeru, pihak pengurusan UMP sentiasa bersedia dan mengalu-alukan minat pihak UDA Holdings Berhad untuk turut serta mengimarahkan agenda murni ini.

PENGHARGAAN UNTUK UDA HOLDINGS BERHAD

17. Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

UMP juga amat sukacita dengan pemilihan kampus ini dan perkampungan nelayan Kuala Pahang sebagai lokasi persinggahan sulung Program Indahnya Ramadhan di daerah Pekan. Hal ini pada hemat saya, membuktikan keprihatinan pihak UDA Holdings Berhad terhadap keperluan untuk turut serta membangunkan sosioekonomi setempat di kawasan ini melalui saluran dan inisiatif yang berkaitan.

18. Universiti ini sejak awal lagi telah terlibat aktif dalam agenda strategik pembangunan komuniti dan pengupayaan sosioekonomi di kawasan ini secara serius melalui inisiatif *Empower ECER* Mahkota Kuala Pahang yang disinergikan bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

19. Justeru, usaha murni pihak UDA Holdings sebagai sebuah GLC yang prihatin dan cakna masyarakat untuk menyalurkan bantuan keperluan dapur bernilai RM200 kepada 20 asnaf yang telah dikenalpasti dari kalangan penduduk tempatan dan juga mahasiswa UMP dalam majlis pada petang ini amatlah kami hargai dan alu-alukan.

20. Cabaran yang kita depani kini ialah bagaimanakah caranya ekosistem amal kebajikan dan sedekah jariah seumpama ini dapat dilestarikan secara strategik dan berterusan dengan saluran yang tepat untuk kumpulan penerima manfaat yang layak. Bagi kami di UMP, ekosistem tersebut telah pun sedia wujud melalui platform *MyGift* dan sekali lagi saya begitu menghargai komitmen dan keprihatinan UDA Holdings Berhad dalam konteks tersebut.

KATA PENUTUP

21. Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan khidmat dan menyumbangkan tenaga bagi menjayakan penganjuran Program Indahnya Ramadhan UDA-UMP pada hari ini. Semoga Allah Ta'ala membalas budi baik dan sumbangan khidmat tuan-tuan dan puan-puan tersebut dengan ganjaran yang berlipat ganda dalam bulan Ramadan yang berkat ini.

22. Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan kita semua terus dilimpahi rahmat peliharaan-Nya pada setiap masa dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran, kesihatan dan kejayaan, *Amin*. Kepada semua saudara seIslam, saya ucapkan selamat berpuasa dan juga selamat menyambut hari raya Eidul Fitri. Maaf zahir dan batin.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.